

Mengerjalkan umrah dan ikatan kekeluargaan

LHAMDULLAH syukur ke hadirat Allah kerana dengan izin-Nya sampai lagi kami ke Tanah Suci. Kali ini bersama suami dan anak sulung.

A Hasrat tidak tercapai kerana menurut ejen umrah, mereka memerlukan surat nikah asal. Oleh kerana baharu berkah, maka siji nikah asal belum dikeluarkan. Rupanya banyak peraturan baharu dikenakan kerajaan Arab Saudi untuk umat Islam Malaysia mengerjakan umrah. Syarat paling ketat adalah mahram. Jika anak perempuan berumur bawah 40 tahun ingin mengerjakan umrah, ia hanya boleh pergi dengan mahramnya, iaitu bapa kandung yang menikahinya secara sah, datuk sebelah bapa jika bapa tiada, adik beradik lelaki atau sepupu atau sepanda, atau bang atau adik lelaki bapa atau kakak yang berkahwin, dengan umunya.

Selain itu, anak perempuan

tidak sukar menunaikan umrah

fiqh mukabala

BERSAMA PROF. DATUK NOOR AZIAH MOHD. AWAL
Tinkhan Noh Gungor, Hal Ehsul Pelajar & Alumni, UKM serta Prof. Dr. Ujang Kibaryo, Wanita dan Kanan Kanan, UKM & Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, (Ondang, Halbuang nakara@gmail.com)



Kecuali telah melebihi 40 tahun. Perkahwinan yang sah juga penting bersama siji nikah asal yang perlu disahkan oleh pejabat agama sebelum disahkan pula oleh Wisma Putra. Bagi anak perempuan yang belum berkahwin, siji kelahirannya perlu disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan selepas itu di Wisma Putra.

Seingat saya, semasa pertama kali menunaikan umrah pada 1996 bersama arwah ayah, tiada keperluan sedemikian. Malah pada masa itu, ada juga yang 'menumpang' mahram. Saya ingat lagi pada masa itu saya membawa dua anak yang kecil, seorang berusia enam tahun dan seorang berusia 18 bulan. Turut serta, ibu, suami, dua anak saudara, ibu saudara dan

suaminya. Arwah ayah membawa beberapa anak mudanya dan kumpulan kami cukup 40 orang. Saya menunaikan haji pada 2003 dan umrah sekali lagi pada 2009. Tidak pula siji nikah kami diperlukan semasa umrah itu.

Bagi seorang wanita berkahwin, keperluan mempunyai siji nikah asal yang dikeluarkan pihak berkuasa agama tempat berkahwin adalah penting bagi tujuan umrah atau haji. Jika pasangan berkahwin di Thailand dan pernikahan belum berdaftar di Malaysia, agak sukar untuk mereka mengerjakan kedua-dua ibadah itu sekarang.

Bagi wanita kematian suami, siji kematian penting disimpan untuk menunjukkan yang dia tidak perlu mendapat kebenaran wali atau suami. Dalam satu kes, seorang wanita ditinggalkan suaminya hampir 40 tahun, tetapi tidak memohon cerai secara fasakh atau taklik, tidak dapat menunaikan haji atau umrah kerana gagal membawa siji percerai. Dia tidak pernah bercerai atau memohon cerai dan tidak dapat mendapatkan kebenaran suami kerana suami entah di mana berada.

Justeru, jika isteri ditinggalkan suami tanpa nikah zahiri, maka batin lebu empat bulan, maka seeloknya memohon cerai melalui cerai taklik kerana ia lebih diutamakan dan banyak penunggu permohonan serta pengakuan yang isteri telah tinggalkan.



MEMBAWA anak kecil ke Tanah Suci bukan bebantuan tetapi mempunyai kelebihan tidak disangka.

GAMBAR HIASAN

LATIHAN MENCINSAFK. JIWA

Haji atau umrah melatih jiwa menjadi insaf, sabar dan saling sayang menyayangi. Semasa umrah kali pertama, saya mahu merasa gas bendak membawa dua anak yang masih kecil tetapi arwah ayah menyuruh kami bawa mereka dan kantanya, mohon doa agar Allah permudahkan segala urusan.

Pengalaman mengerjakan umrah dengan membawa anak menjadi pengalaman paling manis dalam kehidupan terutama merasa nikmat dan rahmat Allah semasa mengerjakan umrah.

Ketika di Masjid Nabawi dan ingin ke Kaabah, seorang pegawai keselamatan masjid menengok tangan saya dan memandu jalan, meletakkan saya bersama ibu serta dua anak kami betul-betul di hujung makam Rasullullah. Saya solat dan berdoa serta anak kecil 18 bulan berdiri memegang pegu makam Nabi.

Setiap orang Islam perlu melatih diri menghayati peraturan kerana setiap sesuatu yang Allah tetapkan alannya mempunyai hikmahnya.

Selesai solat, kami dibawa ke luar melalui ribuan manusia yang berhimpit-himpit ingin masuk ke Kaabah. Di Mekah, hampir setiap hari kami mendapat akhbar percuma kerana ramai yang berseleksi kepada anak selesa dan mudah. Benarlah kata arwah ayah, mohon kepada Allah untuk mempermudah urusan.

Mem bawa anak kecil memnuikan umrah memberi pehang kami mengah masa dan kerja supaya kami dapat beribadah dengan selesa. Anak juga di ajar erti ibadah dan meyakini bahawa Allah itu berkuasa serta tiada yang lebih berkuasa daripada-Nya.

Umrah juga memastikan kita ikhlas beribadah. Ketika dalam ihram, ada beberapa larangan seperti berpakaian yang berjahat bagi lelaki, tidak menutup kepala bagi lelaki, memutupi aurat bagi perempuan, tidak mengayunkan rambut atau apa-apa bulu dan jika berlaku sengaja atau tidak boleh didenda sehingga seekor kambing, haram berkahwin dan mengadakan hubungan seksual. helas sekali semasa memnuikan umrah, pesangan mungkin tinggal sebilik tetapi perlu menjaga pantang larang. Walaupun hubungan seksual haram bagi suami isteri yang berkahwin secara sah, namun semasa beribadah, ia dilarang. Ia melatih suami isteri melalui proses yang mencabar ketahanan.

Semuanya mengajar kita bersehat, zohud, tawaduk dan insaf bahawa kita adalah hamba Allah. Sebagai hamba, kita tidak hak mempersonal hokum yang ditetapkan Allah tetapi masih boleh mencari hikmah-Nya di sebalik setiap hokum dan peraturan.